

## → WILAYAH

# 50 mahasiswa UPM sertai program anak angkat

➔ Penghuni Kolej 17 balik kampung tabur bakti kepada masyarakat di Tedong Merlimau

Oleh Norizzah Baharudin  
bhnews@bh.com.my

► Jasin

**S**eramai 50 penghuni Kolej 17 mahasiswa Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor, menyertai program '17 Balik Kampung Program Anak Angkat' di Kampung Tedong, Merlimau, di sini.

Program selama tiga hari berakhir semalam itu adalah anjuran Sekretariat Perpaduan dan Hubungan Luar, Kolej 17, UPM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Tedong, Lembaga Pengurusan Masjid Masjid Al Muttaqin dan Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Kampung Tedong.

## Rasai gaya hidup kampung

Pengarah program, Che Tha'qif Che Mustafha, berkata objektif program itu adalah memberi peluang kepada mahasiswa di luar Melaka merasai sendiri budaya dan gaya hidup masyarakat setempat yang dikatakan 'kasar namun mesra'.

"Sebelum ini kita mempunyai kampung angkat di Perak namun selepas rombakan dibuat kita memilih Kampung Tedong sebagai kampung angkat kerana

tarikannya Melaka sebagai salah satu destinasi pelancongan popular," katanya ketika ditemui pada program gotong-royong dan penanaman pokok nadir di Masjid Al Muttaqin, Kampung Tedong, Merlimau, di sini, semalam.

Yang turut hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengurusan Masjid Al Muttaqin, Datuk Akbar Ali; Pengerusi JKKK Kampung Tedong, Ash'ari Komeng serta 21 keluarga angkat mahasiswa.

Che Tha'qif berkata, pihaknya memperoleh dana daripada pihak pengurusan UPM, selain menjalankan kempen RM1 bagi se-orang pelajar yang mana kutipan yang dilakukan pada setiap semester itu disalurkan kepada masjid kampung angkat.



Akbar (tengah) menanam pokok nadir di kawasan masjid program gotong-royong dan penanaman pokok nadir di Masjid Al Muttaqin, Kampung Tedong, Merlimau, semalam.

[FOTO NORIZZAH BAHARUDIN/BH]